



TEKS UCAPAN
**MAJLIS PERASMIAN KURSUS
PEKEBUN KECIL**

TN. HJ. WAN MOHAMAD ZUKI BIN HJ. MOHAMAD
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN & KORPORAT) RISDA

IKPK KG. AWAH,
TEMERLOH, PAHANG

23 JULAI 2008
11.30 pagi

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik
Pengerusi RISDA

Yang Dihormati Pn. Hjh. Wan Esah bt Ton Harun,
Pengarah Bahagian Latihan

Tn. Hj. Mujahid bin Mohamad
Pengarah RISDA Negeri Pahang

Pn. Hjh. Husniah bt Ismail
Pengetua IKPK Pahang

dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan peserta Kursus yang dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

1.0 PENGHARGAAN

Marilah kita bersama-sama pada hari ini memanjangkan kesyukuran kita kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah, kurnia dan rahmatNya dapat kita berkumpul di sini bagi Majlis Perasmian Kursus Pekebun Kecil. Terlebih dahulu, saya menyampaikan salam daripada Yang Berbahagia Dato' Mohammad Izat Hasan, Ketua Pengarah RISDA yang tidak dapat hadir sama pada hari ini kerana terpaksa menghadiri Majlis lain. Saya bagi pihak pengurusan RISDA amat mengalu-alukan dan

3

berterima kasih di atas kesudian Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik, Pengerusi RISDA melapangkan masa hadir untuk menyempurnakan Majlis pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri begitu bermakna kepada semua yang hadir pada hari ini. Sokongan yang ditunjukkan oleh Yang Berbahagia Tan Sri akan menyemarakkan lagi semangat kami semua untuk meneruskan usaha membangunkan modal insan pekebun kecil dan sama-sama membantu negara mencapai tahap pembangunan yang lebih tinggi, InsyaAllah.

4

2.0 MAKLUMAT KURSUS PEKEBUN KECIL

Untuk makluman Yang Berbahagia Tan Sri, peserta-peserta kursus pada hari ini merupakan pekebun kecil seramai 150 orang dari Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan juga seramai 20 orang peserta FELCRA yang mengikuti kursus teknikal getah dan Sawit meliputi 5 jenis kursus iaitu Agronomi Sawit, Pemasaran Sawit, Semaian Getah, Teknik Mencantum dan Pengurusan Projek Berkumpulan Getah Muda. Mereka telah mula kursus ini pada 21 Julai 2008 dan akan tamat Kursus pada 23 dan 24 Julai 2008.

3.0 MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL

Pada hari ini juga, Majlis penyampaian sijil akan diberikan kepada peserta-peserta kursus seramai 60 orang yang telah tamat kursus Agronomi Sawit dan Pemasaran Sawit pada hari ini. Syabas diucapkan kepada Tuan-Tuan dan Puan-Puan kerana telah berjaya mengikuti kursus ini dengan jayanya dan pihak RISDA berharap Tuan-tuan dan Puan-puan akan menggunakan ilmu yang diterima semasa kursus ini untuk meningkatkan lagi amalan agronomi dan pemasaran dan seterusnya dapat meningkatkan produktiviti dan pendapatan keluarga.

4.0 Penutup

Saya tidak berniat untuk berucap panjang kerana Tuan-tuan dan Puan-puan Pegawai Luar tentunya sudah tidak sabar lagi untuk mendengar ucapan daripada Pengerusi RISDA yang baru yang buat pertama kali berjumpa Tuan-tuan dan Puan-puan pada hari ini. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik, Pengerusi RISDA atas kesudian untuk menghadiri Majlis pada hari ini. Juga kepada terima kasih kami kepada semua peserta kursus yang hadir. Tidak ketinggalan juga terima kasih kepada Tn. Hj. Mujahid bin Mohamad, Pengarah RISDA Pahang dan Pn. Hjh. Wan Esah bt

7

Ton Haron, Pengarah Bahagian Latihan serta Jawatankuasanya yang telah bekerja kuat untuk menjayakan Majlis ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala usaha Tuan-tuan.

Sekian. **Wabillahi Taufik Walhidayah , Wassalammualaikum
w.b.t**